

**Semua Pegawai dan Kakitangan
Yayasan RISDA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ARAHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BILANGAN 8 TAHUN 2023
MENERIMA PAKAI PROSEDUR PENGURUSAN DANA KUMPULAN RISDA
HOLDINGS (KRH)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Kali Ke-19 pada 5 Disember 2023 telah bersetuju meluluskan dan menerima pakai Prosedur Pengurusan Dana Kumpulan RISDA Holdings (KRH) dengan pindaan.

3. Arahan ini selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah RISDA Holdings Sdn. Bhd. (RHSB) yang telah meluluskan Prosedur Pengurusan Dana KRH untuk diterima pakai oleh semua syarikat KRH.

4. Pindaan ke atas Prosedur Pengurusan Dana KRH di lampiran adalah seperti berikut:

**4.1. Perkara 2. Pelaburan Pasaran Wang (Deposit Tetap), sub perkara 4.
Pembukaan Akaun Deposit Tetap:**

i) Setiap KRH perlulah membuka sekurang-kurangnya tiga akaun deposit tetap dengan bank atau Institusi Kewangan yang dilesenkan dan dikawalselia oleh Bank Negara.

Dipinda

i) Setiap KRH perlulah membuka sekurang-kurangnya satu akaun deposit tetap dengan bank atau Institusi Kewangan yang dilesenkan dan dikawalselia oleh Bank Negara.

4.2. Perkara 2. Pelaburan Pasaran Wang (Deposit Tetap), sub perkara 5. Peletakan Deposit Tetap:

ii) Perbandingan kadar keuntungan yang ditawarkan oleh Institusi Kewangan perlu dilaksanakan dan perlu disyorkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai yang diberi kuasa terhadap Institusi Kewangan yang menawarkan kadar yang menguntungkan syarikat.

Dipinda

ii) Perbandingan kadar keuntungan yang ditawarkan oleh tiga Institusi Kewangan perlu dilaksanakan dan perlu disyorkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai yang diberi kuasa terhadap Institusi Kewangan yang menawarkan kadar yang menguntungkan syarikat.

4.3. Perkara 2. Pelaburan Pasaran Wang (Deposit Tetap), sub perkara 6. Peletakan Deposit Tetap (Penyambungan):

ii) Perbandingan kadar keuntungan yang ditawarkan oleh Institusi Kewangan perlu dilaksanakan dan perlu disyorkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Institusi Kewangan yang menawarkan kadar yang menguntungkan syarikat.

Dipinda

ii) Perbandingan kadar keuntungan yang ditawarkan oleh tiga Institusi Kewangan perlu dilaksanakan dan perlu disyorkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai yang diberi kuasa terhadap Institusi Kewangan yang menawarkan kadar yang menguntungkan syarikat.

Bil.(31)dlm YR-01/9240.00
18 Disember 2023

5. Arahan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 September 2023 dan disertakan bersama ini Prosedur Pengurusan Dana KRH untuk makluman dan rujukan.

Sekian, terima kasih.

جزاڪر الله خيرا

'BECAUSE WE CARE'


WAN MOHD HAFIZ BIN WAN IBRAHIM
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YAYASAN RISDA